

# Pemuda UMNO perhebat bantahan terhadap Israel

**BANGI** 22 Julai - Pergerakan Pemuda, UMNO akan memperhebatkan lagi gerakan membantah tindakan ganas Israel serta mendesak rejim itu supaya menghentikan serangan ke atas Lebanon dan Palestin.

Malah, perhimpunan besar-besaran membantah tindakan rejim Zionis diketuai sayap kanan UMNO itu semalam, merupakan permulaan kepada beberapa siri bantahan yang akan digerakkan di seluruh negara.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, apa yang berlaku di Lebanon dan Palestin bukan sahaja sesuatu yang menyayat hati, tetapi membangkitkan kemarahan seluruh dunia akan kerakusan, keangkuhan dan ketamakan pihak rejim.

"Dengan keadaan kita sekarang ini pun, dengan suara rakyat di seluruh dunia membantah, mereka (Israel) tidak pedulikannya.

"Jadi ini menuntut kita memperhebatkan gerakan kita. Kalau sekiranya kita terpaksa pergi kepada kesemua kedutaan dan wakil-wakil negara yang berada dalam Majlis Keselamatan

**Dengan keadaan kita sekarang ini pun, dengan suara rakyat di seluruh dunia membantah, mereka (Israel) tidak pedulikannya**

- Hishammuddin Tun Hussein

PBB, maka kita akan lakukannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan majlis pecah tanah Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Putra, di sini hari ini.

Hishammuddin berkata, Pemuda akan menggembeleng semua pihak sama ada daripada golongan belia, parti komponen mahupun parti pembangkang untuk terus mendesak Israel menghentikan serangan.

"Dunia tidak bangkit. Jika PBB bacul, tidak mampu lakukan apa-apa, maka kita rakyat Malaysia mesti menyuarakan. Sekurang-kurangnya mereka (rakyat Lebanon dan Palestin) tahu bahawa rakyat Malaysia masih bersama

mereka," katanya.

Semalam, rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan agama keluar beramai-ramai menyertai perhimpunan anti-Israel bagi mendesak rejim Zionis segera menghentikan serangan dan pencerobohan ke atas kedua-dua negara tersebut.

Mereka berhimpun di Masjid KLCC dan Masjid Jamek Kampung Baru sebelum berarak ke Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat bagi menyampaikah memorandum membantah tindakan Israel itu.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin menyifatkan tuduhan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di-

pengaruhi menantunya, Khairy Jamaluddin sebagai tidak berasas.

Malah menurut beliau, ia perbuatan pihak tidak bertanggungjawab yang suka mengambil kesempatan.

"Kalau sekiranya tuduhan bahawa Khairy mempengaruhi Perdana Menteri, saya sedih Perdana Menteri terpaksa jawab. Tetapi ini tidak benar dan akhirnya orang akan tahu.

"Rakyat Palestin melihat kepada Malaysia untuk kepimpinan dan pembelaan. Rakyat negara-negara Arab, negara-negara membangun melihat kestabilan negara kita sebagai contoh dan model.

"Jadi mengapa kita mesti bersengketa dan bercanggah dalam hal-hal remeh-temeh sedangkan dunia mengiktiraf Malaysia dan kepimpinan Malaysia amat menyedihkan," katanya.

Hishammuddin berkata, rakyat sekarang lebih matang untuk menilai sesuatu kebenaran.

Katanya, apa yang lebih penting ialah memberi tumpuan kepada agenda lebih besar iaitu menjayakan apa dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.